

KEM LITERASI AL-QURAN SIRI 3 (KLaQ)



Labuan, 9 Ogos 2025 – Sekolah Kebangsaan Pekan Satu sekali lagi mencatat kejayaan cemerlang apabila berjaya menganjurkan Kem Literasi al-Quran Siri 3 (KLaQ) dengan jayanya.

Program ini merupakan kesinambungan daripada siri-siri terdahulu yang bertujuan memperkukuh penguasaan bacaan al-Quran murid tahun 6 .

Kem sehari penuh ini melibatkan seramai 72 orang peserta daripada semua sekolah rendah di Wilayah Persekutuan Labuan. Ianya dikendalikan dengan penuh komitmen oleh barisan fasilitator terlatih di bawah penyelarasan Ustazah Sanisah Zulkifle dari Sektor Pendidikan Islam.

Sepanjang kem berlangsung, para peserta telah diberi bimbingan intensif dalam bacaan Iqra', teknik asas tajwid

dan makhraj huruf serta motivasi rohani untuk mendekatkan diri kepada al-Quran.

Seramai 20 orang murid berjaya melepasi tahap Iqra' 3, satu pencapaian yang amat memberangsangkan dan menjadi bukti keberkesanan pendekatan yang digunakan dalam kem ini.

Kejayaan ini turut mencerminkan kesungguhan murid serta sokongan padu daripada guru-guru dan fasilitator.

Semoga program seperti ini dapat diteruskan demi melahirkan generasi celik al-Quran yang berilmu, beriman dan berakhlak mulia. Inisiatif seperti KLaQ bukan sahaja memperkukuh literasi al-Quran, malah menyemai nilai-nilai murni dalam jiwa anak-anak sejak usia muda.







